



PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 3 NOVEMBER 2009

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 37)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

TARIKH : 3 November 2009

SOALAN :

Minta Perdana Menteri menyatakan:

- a) Jumlah rakyat miskin yang terdapat di Terengganu, Kelantan dan Pahang dalam tempoh dua tahun lalu; dan
- b) Berapa ramaikah di kalangan mereka yang direkodkan terkeluar daripada senarai rakyat termiskin dalam tempoh tersebut.

JAWAPAN : Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Berdasarkan rekod eKasih yang mula beroperasi pada tahun 2008, jumlah kemiskinan (berdasarkan bilangan keluarga) bagi tiga negeri tersebut adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KETUA ISI RUMAH TAHUN 2008			JUMLAH KETUA ISI RUMAH TAHUN 2009		
	Miskin Tegar	Miskin	Mudah Miskin	Miskin Tegar	Miskin	Mudah Miskin
Kelantan	3,044	5,767	10,282	4,108	7,709	13,718
Pahang	734	1,244	2,807	973	1,859	5,766
Terengganu	3,312	6,752	12,577	4,377	9,322	14,194
JUMLAH	7,090	13,763	25,666	9,458	18,890	33,678

- b) Setakat 28 Oktober 2009, seramai 552 Ketua Isi Rumah telah dikeluarkan daripada senarai eKasih di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KETUA ISI RUMAH TERKELUAR SEHINGGA 28 OKTOBER 2009
Kelantan	283
Pahang	68
Terengganu	201
JUMLAH	552

Proses untuk mengeluarkan mereka daripada eKasih dilakukan secara berterusan dan perlu melalui proses pemutihan. Pergerakan daripada satu status ke status yang lebih baik akan direkodkan dan masih berada dalam sistem. Ia memerlukan setiap agensi di semua peringkat untuk sentiasa mengemaskini maklumat dalam eKasih.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. (12)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah tapak pelupusan dan tanah pembuangan sisa pepejal, insinerator yang beroperasi serta yang dicadangkan, jumlah tan dan kos setan untuk pengutipan dan pembangunan sisa pepejal di Malaysia serta apakah teknologi yang sedia ada selain daripada "tipping" dan membakar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tapak pelupusan sisa pepejal yang masih beroperasi adalah sebanyak 178 tapak manakala tiada insinerator yang beroperasi ketika ini.

Jumlah tapak pelupusan sanitari baru yang dicadangkan dibina di bawah Rancangan Malaysia ke 9 adalah sebanyak 9 buah manakala 42 tapak pelupusan sedia ada akan dinaiktaraf bagi menangani masalah alam sekitar dan kapasitinya yang telah hampir atau telah penuh. Bagi insinerator pula, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang membina 5 buah insinerator mini di Pulau Labuan, Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan di Cameron Highland.

Berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Ke-9, jumlah sisa pepejal yang akan dihasilkan di seluruh negara menjelang 2020 adalah sebanyak 30,000 tan sehari manakala bagi tahun 2005, sebanyak 19,100 tan sehari telah dihasilkan. Pada ketika ini, sebahagian besar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah membelanjakan 50% hingga 100% dari cukai taksiran untuk perbelanjaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Bagi merawat dan melupuskan sisa pepejal terdapat banyak teknologi yang boleh digunakan, diantaranya ialah *Material Recovery Facilities (MRF)*, *Refuse Derived Fuel (RDF)*, *Depolymerazation Refining Process*, *Composting* dan *Biogas Recovery*.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH
[BATU SAPI]**

TARIKH : 03 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Ir Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta Menteri Pengangkutan menyatakan seperti yang dilaporkan bahawa 46 pemandu bas ekspres yang berumur antara 19 hingga 41 tahun telah dikesan positif dadah semasa dijalankan pemeriksaan di 35 perhentian-perhentian bas utama. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pemandu-pemandu tersebut dan langkah-langkah yang juga diambil oleh Kerajaan bagi memastikan keselamatan para penumpang bas-bas ekspres.

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tempoh Ops Sikap Ke-20 yang bermula pada 13 hingga 27 September 2009, sebanyak 44 kes telah dikesan positif dadah semasa ujian saringan urin dijalankan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Narkotik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di terminal-terminal bas. 30 kes daripada 44 kes itu adalah merupakan pemandu bas ekspres. Kebanyakan daripada pemandu

tersebut didapati menggunakan dadah jenis *cannabis*, *syabu*, *morfin* dan *metaphetamine*.

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak akan membenarkan pemandu-pemandu yang dikesan positif tersebut untuk memandu bas ekspres berkenaan dan pihak operator bas akan diminta untuk menggantikan pemandu tersebut. Pemandu-pemandu yang dikesan positif tersebut akan dibawa ke balai polis atau mahkamah untuk jaminan. Sampel urin pemandu-pemandu tersebut akan dihantar ke pengamal perubatan Kerajaan bagi tujuan untuk mengesahkan samaada pemandu tersebut adalah penagih dadah atau tidak.

Sekiranya laporan perubatan mengesahkan pemandu tersebut adalah penagih dadah, pihak JPJ akan menggantung lesen memandu pemandu tersebut tidak kurang dari tempoh 2 tahun berdasarkan Seksyen 36 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang Dipertua,

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan keselamatan para penumpang bas-bas ekspres adalah:-

- i) mewajibkan pemeriksaan tayar dan brek bas dibuat di depot / bengkel pengusaha bas di seluruh negara menjelang musim perayaan;
- ii) memastikan pergerakan bas serta pertukaran pemandu direkod dalam buku log dan memastikan setiap bas perlu mempunyai pemandu kedua

bagi perjalanan yang melebihi 300km seperti mana kehendak Kaedah 10B, Kaedah Pengangkutan Jalan 1959;

- iii) memeriksa rekod kesalahan dan juga lesen memandu pemandu bas ekspres;
- iv) JPJ, AADK dan PDRM mengadakan operasi bersama terutamanya yang melibatkan pemeriksaan di terminal-terminal bas;
- v) pelaksanaan peraturan pembinaan kekuatan struktur utama kenderaan penumpang dan pembinaan tempat duduk bagi kenderaan penumpang;
- vi) mewajibkan semua bas ekspres baru dilengkapi dengan alat *Global Positioning System* (GPS) sebagai syarat permit oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Syarat ini telahpun berkuat kuasa pada 18 Ogos 2008. Alat ini membolehkan pengusaha bas ekspres memantau dan mengawal pemanduan pemandu bas termasuk kesalahan had laju secara *real time*; dan
- vii) Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja telah menyediakan kod amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran untuk sektor pengangkutan yang bertujuan bagi meletakkan tanggungjawab keselamatan bas ekspres dan penumpangnya ke atas pengusaha bas. Melalui kod amalan ini, syarikat pengusaha bas mempunyai garis panduan dan tatacara bagi melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan kawalan melalui 4 komponen iaitu pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan perjalanan kenderaan dan risiko serta pengurusan dokumen.

NO AUM : 19

NO AUP : 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2009
RUJUKAN : 2085

SOALAN:

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang membekukan pengeluaran lesen terhadap ejen buruh buat masa ini memandangkan masih terdapat banyak kumpulan pekerja asing yang didakwa telah ditipu oleh ejen mereka di Malaysia apabila tiba di Negara kita. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam membendung gejala ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Bayan Baru di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah mengeluarkan lesen kepada mana-mana pihak untuk bertindak sebagai ejen buruh asing. Kerajaan hanya mengeluarkan sijil membekal dan mengurus pekerja asing. Sebagai pemegang sijil syarikat ini adalah majikan yang bertanggungjawab membekal dan mengurus kemasukan, kontrak kerja dan kebajikan pekerja asing mereka seperti tempat tinggal, pengangkutan dan kesihatan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah membekukan pengeluaran kebenaran menjalankan perniagaan Syarikat Membekal dan Mengurus Pekerja Asing semenjak Oktober 2007 lagi melalui keputusan Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing.

Sehingga pembekuan dibuat, terdapat 277 buah syarikat yang telah berdaftar di bawah Kementerian ini. Bagi mengawal syarikat-syarikat ini daripada melakukan perbuatan-perbuatan seperti menipu atau perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

1. memperketatkan proses pengambilan pekerja oleh syarikat-syarikat ini dengan mensyaratkan proses dokumentasi yang ketat;

2. caruman bon jaminan bagi setiap pekerja asing yang dibawa masuk;
3. penyediaan laporan berkala mengenai pekerja asing syarikat;
4. lawatan Naziran ke premis syarikat dan asrama pekerja juga dilakukan bagi memastikan syarikat mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Bagi syarikat yang didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan, syarikat tersebut akan disenaraihitamkan daripada sebarang urusan mengenai pekerja asing dan sijil syarikat Membekal dan Mengurus Pekerja Asing akan ditarik balik oleh Kementerian ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
[JASIN]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejak bulan April 2009 yang lalu PNB telah memperkenalkan saham bukan saja untuk Bumiputera bahkan untuk bukan Bumiputera. Apakah rancangan Kerajaan yang konkrit untuk meningkatkan ekuiti saham milik Bumiputera dari segi peratusnya.

JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan masih meneruskan sasaran pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat. Untuk itu, Kerajaan terus komited melaksanakan pelbagai langkah bagi membantu golongan Bumiputera meningkatkan pemilikan ekuiti mereka. Langkah tersebut termasuk memperkenalkan pelbagai program pemilikan saham yang dikendalikan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang telah berjaya meningkatkan pemilikan saham Bumiputera dalam sektor korporat.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengambil pendekatan inovatif dalam usaha meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera secara mapan. Antaranya, EKUINAS telah ditubuhkan yang berperanan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi

secara lebih bermakna dan berkesan. Melalui penekanan kepada aspek penguasaan dan pengendalian pemilikan ekuiti, Kerajaan yakin EKUINAS mampu menjadi mekanisme yang berkesan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera. Prinsip pemilihan *investee company* yang berasaskan meritokrasi dan ketulenan juga akan menyumbang kepada peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera yang lebih mapan, dengan tumpuan kepada pembinaan keupayaan Bumiputera dalam jangkamasa panjang.

Tambahan lagi, Kerajaan akan terus melaksanakan dan menambah baik program sedia ada yang dapat meningkatkan kekayaan Bumiputera dalam jangka panjang. Program tersebut termasuklah program pembangunan keusahawanan, program pendidikan, program latihan kemahiran dan bantuan kewangan. Kerajaan turut memberi penekanan kepada aspek pengagihan lain melangkaui hak milik modal saham seperti pemilikan aset produktif oleh Bumiputera terutamanya di kawasan bandar.

Selain program yang dijalankan Kerajaan, pencapaian sasaran pemilikan ekuiti Bumiputera juga bergantung kepada inisiatif golongan Bumiputera sendiri. Penyertaan efektif masyarakat Bumiputera dalam ekonomi akan dapat ditingkatkan sekiranya mereka mampu merebut peluang yang disediakan, berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran serta berupaya mengenal pasti peluang baru dalam pasaran terbuka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejak bulan April 2009 yang lalu PNB telah memperkenalkan saham bukan saja untuk Bumiputera bahkan untuk bukan Bumiputera. Apakah rancangan Kerajaan yang konkrit untuk meningkatkan ekuiti saham milik Bumiputera dari segi peratusnya.

JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan masih meneruskan sasaran pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat. Untuk itu, Kerajaan terus komited melaksanakan pelbagai langkah bagi membantu golongan Bumiputera meningkatkan pemilikan ekuiti mereka. Langkah tersebut termasuk memperkenalkan pelbagai program pemilikan saham yang dikendalikan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang telah berjaya meningkatkan pemilikan saham Bumiputera dalam sektor korporat.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengambil pendekatan inovatif dalam usaha meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera secara mapan. Antaranya, EKUINAS telah ditubuhkan yang berperanan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi

secara lebih bermakna dan berkesan. Melalui penekanan kepada aspek penguasaan dan pengekalan pemilikan ekuiti, Kerajaan yakin EKUINAS mampu menjadi mekanisme yang berkesan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera. Prinsip pemilihan *investee company* yang berasaskan meritokrasi dan ketulenan juga akan menyumbang kepada peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera yang lebih mapan, dengan tumpuan kepada pembinaan keupayaan Bumiputera dalam jangkamasa panjang.

Tambahan lagi, Kerajaan akan terus melaksanakan dan menambah baik program sedia ada yang dapat meningkatkan kekayaan Bumiputera dalam jangka panjang. Program tersebut termasuklah program pembangunan keusahawanan, program pendidikan, program latihan kemahiran dan bantuan kewangan. Kerajaan turut memberi penekanan kepada aspek pengagihan lain melangkaui hak milik modal saham seperti pemilikan aset produktif oleh Bumiputera terutamanya di kawasan bandar.

Selain program yang dijalankan Kerajaan, pencapaian sasaran pemilikan ekuiti Bumiputera juga bergantung kepada inisiatif golongan Bumiputera sendiri. Penyertaan efektif masyarakat Bumiputera dalam ekonomi akan dapat ditingkatkan sekiranya mereka mampu merebut peluang yang disediakan, berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran serta berupaya mengenal pasti peluang baru dalam pasaran terbuka.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN

TARIKH: 3 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Y.B. Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah siswazah menganggur dari tahun 2005 sehingga sekarang mengikut negeri, jurusan, jantina dan kaum.

PR-1223-L33248

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai maklumat terperinci berkaitan dengan siswazah menganggur seperti yang diminta. Walaubagaimanapun maklumat mengenai siswazah yang berdaftar dengan portal *JobsMalaysia* untuk mencari kerja dari tahun 2005 hingga sekarang mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut:-

NEGERI	2005	2006	2007	2008	2009*
JOHOR	1347	1773	3969	6804	8714
KEDAH	1207	1764	3494	5934	6502
KELANTAN	1184	1493	3791	5187	5975
MELAKA	630	914	1632	2638	3253
N SEMBILAN	772	979	2060	2675	3282
PAHANG	748	1182	2611	3513	4143
PULAU PINANG	593	710	1937	3088	5420
PERAK	1384	1851	3295	5699	6245
PERLIS	188	293	607	734	780
SELANGOR	2587	3080	6123	9702	12883

NEGERI	2005	2006	2007	2008	2009*
TERENGGANU	983	1399	2829	3766	4521
SABAH	758	895	2989	3390	4079
SARAWAK	572	753	2624	3301	3720
WP KUALA LUMPUR	2992	4055	7139	11844	14579
WP LABUAN	52	75	125	127	140
WP PUTRAJAYA	878	1176	1977	3579	4616
JUMLAH	16875	22392	47202	71981	88852

* Sehingga 19 Oktober 2009

Tuan Yang Di Pertua,

Di samping itu, jumlah pencari kerja dikalangan siswazah mengikut jurusan atau bidang pengajian bagi tempoh 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut :

Jurusan	2005	2006	2007	2008	2009*
Kejuruteraan	3,812	4,004	10,703	17,718	22267
Teknologi Maklumat	3,375	4,444	7,034	9,611	11,416
Perubatan (Farmasi, Pergigian & Kejururawatan)	181	223	551	1068	2,262
Pentadbiran dan Pengurusan	3,985	3,866	9,505	13,113	16,405
Perakaunan, Perniagaan dan Ekonomi	2,951	5,095	7,866	11,038	13,016
Perlancongan dan Perhotelan	264	323	906	1,508	2,190
Pertanian dan Perikanan	391	469	1305	3,155	2,191
Senibina & Ukur	549	681	1532	2,711	3,083
Lain-lain	1,367	3,287	7800	12,059	15622
Jumlah	16,875	22,392	47202	71,981	88852

* Sehingga 19 Oktober 2009

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pencari kerja dikalangan siswazah mengikut jantina bagi tempoh 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut :

Jantina	2005	2006	2007	2008	2009*
Lelaki	5,705	7,378	17,578	28,235	37,786
Perempuan	11,170	15,014	29,624	43,746	51066
Jumlah	16875	22392	47202	71981	88852

* Sehingga 19 Oktober 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina Klinik Pakar Asas di Hospital Limbang supaya pakar yang datang melawat dapat membuat rawatan di Hospital Limbang tanpa perlu menghantar pesakit ke Hospital Miri untuk kes-kes yang tidak memerlukan rawatan-rawatan yang lebih komplikated.

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam perancangan RMK-10, dimaklumkan bahawa Hospital Limbang akan dinaiktaraf kepada Hospital Pakar. Walau bagaimanapun, pada masa ini pakar-pakar daripada Hospital Miri ada membuat rawatan dan menjalankan klinik pakar di Hospital Limbang sebulan sekali atau dua bulan sekali.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
[RASAH]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN : 42

Tuan LOKE Siew Fook [Rasah] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status pelaksanaan dasar "Open Skies" di rantau ASEAN dan senaraikan semua laluan penerbangan baru yang dibuka oleh syarikat penerbangan Malaysia serta butir-butirnya dari bulan Mei 2008 hingga September 2009.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Y.B. Menteri Pengangkutan telahpun menandatangani ASEAN *Multilateral Agreement on Air Services and* dan enam protokol pelaksanaannya pada November 2008 di Manila, Filipina bersama-sama 8 negara anggota ASEAN yang lain kecuali Thailand. Thailand menandatangani pada 20 Mei 2009. Pelaksanaan perjanjian-perjanjian dan protokol-protokol tersebut hanya boleh dikuatkuasakan selepas ia diratifikasikan. Sehingga kini, Singapura dan Myanmar telah meratifikasi perjanjian dan kesemua protok pelaksanaannya dan Malaysia sedang di dalam proses untuk meratifikasinya.

Senaraikan semua laluan penerbangan baru yang dibuka oleh syarikat penerbangan Malaysia serta butir-butirnya dari bulan Mei 2008 hingga September 2009 adalah seperti berikut:

(i) MAS

Tiada laluan baru yang dibuka oleh MAS sepanjang tempoh Mei 2008 - September 2009 memandangkan ketiadaan permintaan serta kesan masalah kegawatan ekonomi global.

(ii) AirAsia

Laluan	Kekerapan Seminggu	Tarikh Efektif
Kota Kinabalu - Singapura	7 x	1 November 2008
Kuching - Singapura	7 x	1 November 2008
Kota Kinabalu - Bandar Seri Begawan	7 x	9 September 2009
Miri - Singapura	4 x	9 September 2009
Tawau - Singapura	3 x	9 September 2009
Johor Bahru - Denpasar	3 x	26 Oktober 2008
Penang - Singapura	7 x	1 Jun 2009
Kuala Lumpur - Ujung Pandang	7 x	25 Julai 2008
Kuala Lumpur - Manado	3 x	12 September 2009
Langkawi - Singapura	7 x	1 Jun 2009

(iii) Firefly

Laluan	Kekerapan Seminggu	Tarikh Efektif
Subang - Pekan Baru	7 x	26 Oktober 2008
Subang - Koh Samui	4 x	9 November 2008
Subang - Padang	7 x	15 Mei 2009
Subang - Batam	3 x	2 Mei 2009
Subang - Phuket	7 x	1 Mei 2009
Subang - Medan	14 x	1 Jun 2009
Subang - Singapura	28 x	1 Julai 2009
Penang - Koh Samui	4 x	28 Mac 2009
Penang - Phuket	4 x	28 Oktober 2008
Penang - Banda Aceh	3 x	1 Mei 2009
Ipoh - Singapura	7 x	12 Julai 2009
Kuantan - Singapura	3 x	25 Julai 2009
Melaka - Singapura	3 x	1 September 2009
Terengganu - Singapura	3 x	14 Julai 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009

SOALAN :

Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah keluarga miskin mengikut negeri yang telah diberi bantuan perumahan dari segi bantuan baik pulih atau bina semula rumah mereka di bawah program pembasmian kemiskinan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi I dan II yang sedang dilaksanakan. Apakah kriteria-kriteria dan asas (atau matlamat) yang diguna pakai oleh Kerajaan bagi menentukan keluarga itu betul-betul miskin dan memerlukan bantuan tersebut.

JAWAPAN : YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan golongan miskin dan menyediakan pelbagai program yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Program Bantuan Rumah kepada golongan miskin tegar dan miskin telahpun dilaksanakan secara berterusan. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi I (PRE I), sejumlah RM500 juta telah diperuntukan bagi membina dan membaikpulih 16,706 unit rumah di seluruh negara. Daripada jumlah

tersebut, 7,447 unit rumah telahpun siap manakala sebanyak 7,184 unit sedang di dalam pelaksanaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kriteria asas pemilihan yang digunakan Kerajaan dalam menentukan kelayakan penerima bantuan adalah:

- i. keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan dan berdaftar dalam eKasih;
- ii. diperakukan tidak mempunyai rumah atau rumah sedia ada disahkan usang, daif atau tidak selamat untuk diduduki; dan
- iii. memiliki tanah sendiri atau menumpang tanah milik orang lain/ Kerajaan dengan syarat pemilik tanah/ pihak berkuasa yang berkenaan memberi kebenaran secara bertulis bagi membina atau membaik pulih rumah tersebut.

Selain daripada itu, golongan miskin tegar yang tidak produktif seperti Ketua Isi Rumah (KIR) tua iaitu yang melewati umur 65 tahun ke atas/ uzur/ cacat, ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan yang ramai serta mangsa bencana alam seperti ribut, taufan, banjir dan kebakaran juga turut diberi keutamaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

Pertanyaan : **PERTANYAAN LISAN**
Daripada : **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]**
Tarikh Menjawab : **3 November 2009**
Soalan : **20**

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tahap pembangunan industri kelapa sawit , getah, koko, kayu dan lada hitam berbanding dengan negara-negara lain seperti Thailand dan Indonesia.

Jawapan:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri minyak sawit negara pada tahun 2008 telah mencatatkan prestasi yang memberansangkan. Pendapatan eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit pada tahun 2008 telah meningkat sebanyak 44.4 peratus kepada RM65.2 bilion pada tahun 2008 berbanding RM45.2 bilion pada tahun 2007. Republik Rakyat China kekal sebagai negara pengimport terbesar untuk tujuh (7) tahun berturut-turut dengan jumlah eksport sebanyak 3.79 juta tan atau 24.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit negara, diikuti oleh Kesatuan Eropah sebanyak 2.05 juta tan (13.3%) dan Pakistan sebanyak 1.25 juta tan (8.16%). Stok penutup minyak sawit pada akhir tahun 2008 berada di paras 2.0 juta tan, meningkat sebanyak 0.3 juta tan atau 17.6 peratus daripada 1.7 juta tan pada tahun 2007.

Industri koko dan lada di Thailand adalah kecil dan ia bukan merupakan saingan utama Malaysia bagi kedua-dua komoditi tersebut. Indonesia pula merupakan pesaing utama Malaysia dalam industri koko dan lada. Pada tahun 2008, Indonesia merupakan pengeluar ketiga terbesar biji koko dunia dengan pengeluaran sebanyak 495,000 tan berbanding dengan Malaysia yang mengeluarkan sebanyak 31,000 tan (di tangga ke 12 dunia). Walau bagaimanapun, produktiviti tanaman koko di Malaysia secara purata adalah lebih tinggi iaitu mencapai 1.4 tan se hektar berbanding dengan kira-kira 0.5 tan se hektar di Indonesia. Dari segi keupayaan industri pengisaran koko, Malaysia merupakan negara kelima terbesar di dunia dengan keupayaan mengisar sebanyak 331,000 tan berbanding dengan 150,000 tan oleh Indonesia (di tangga ke 9 dunia).

Pada tahun 2008, Indonesia merupakan pengeluar kedua terbesar lada di dunia dengan jumlah pengeluaran 46,000 tan berbanding dengan Malaysia yang mengeluarkan sebanyak 22,000 tan (di tangga kelima). Negara pengeluar terbesar lada ialah Vietnam dengan jumlah pengeluaran sebanyak 80,000 tan.

Bagi industri getah, Malaysia merupakan negara ketiga pengeluar utama getah asli di dunia. Walaupun Malaysia tidak dapat bersaing dari segi keluasan dan pengeluaran getah asli, namun Malaysia adalah ke hadapan (advanced) dan mempunyai daya saing yang tinggi dalam sektor-sektor berikut:

- **Pengeluaran klon-klon getah** termasuk klon lateks balak seperti RRIM 3001 dan klon-klon lain seperti siri RRIM 2000 yang boleh mencapai potensi hasil sehingga 2.76 tan (RRIM 2016) sehektar setahun;
- **Teknik-teknik merangsang pengeluaran susu getah** seperti Mortex, Etefon dan G-Flex; dan

- **Industri hiliran produk berasaskan getah/lateks seperti:**
 - a. Pengeluar utama **sarung tangan perubatan dari lateks;**
 - b. Pengeluar utama *foley catheters*
 - c. Pengeluar utama *latex thread and cord*.

Manakala bagi sektor **perkayuan** Thailand dan Indonesia tidaklah merupakan pesaing kepada negara kita kerana pada tahun 2007 dan 2008 Malaysia mengeksport masing-masing sebanyak USD6.69 bilion dan USD6.7 bilion. Manakala Thailand hanya mengeksport sebanyak USD2.3 bilion pada tahun 2007 dan USD2.0 bilion pada tahun 2008. Indonesia pula pada tahun 2007 mengeksport sebanyak USD4.5 bilion dan USD4.4 bilion pada tahun 2008.

Ahli Yang Berhormat,

Sektor komoditi negara adalah merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi negara, saya bersama kementerian di bawah tanggungjawab saya akan terus berusaha bagi memaju dan membangunkan sektor perladangan dan komoditi negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bagaimana Malaysia boleh bebas dari lubang hitam informasi yang disebabkan kelembapan internet jalur lebar agar mencapai kedudukan setara dengan negara-negara yang memberikan perkhidmatan jalur lebar yang sangat pantas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Antara faktor utama yang menyumbang kepada kelajuan Internet jalur lebar ialah lokasi komputer pelayan atau *server* di mana kandungan Internet dihoskan sama ada di lokasi tempatan atau luar negara dan teknologi rangkaian akses yang digunakan.

Kebanyakan kandungan yang diakses di negara-negara yang memberikan perkhidmatan jalur lebar yang sangat pantas ialah kandungan tempatan yang dihoskan di *server-server* tempatan manakala di Malaysia hanya sekitar 20% trafik Internet yang mengakses kandungan Internet yang dihoskan di dalam negara. Dari segi teknologi pula, kebanyakan rangkaian akses yang digunakan seperti di Korea adalah teknologi gentian optik yang mempunyai tahap kestabilan tinggi yang menjamin kelajuan Internet jalur lebar.

Untuk mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan telah memperkenalkan Strategi Pelaksanaan Jalur Lebar Nasional yang merangkumi aspek penawaran (*supply*) dan permintaan (*demand*) bagi mencapai sasaran kadar penembusan jalur lebar sebanyak 50% mengikut isi rumah pada akhir tahun 2010. Melalui inisiatif-inisiatif Jalur Lebar yang sedang dilaksanakan, kapasiti jalur lebar domestik dan antarabangsa sedang dinaiktarafkan di samping membina rangkaian teras dan akses menggunakan teknologi gentian optik. Dari aspek penyediaan kandungan tempatan pula, sebuah pasukan petugas khas yang diterajui oleh MAMPU dan MdeC masing-masing bagi pembangunan kandungan sektor awam dan swasta telah ditubuhkan bagi mempergiatkan lagi pembangunan kandungan tempatan.

Di samping itu juga, pelancaran sistem *peering* iaitu Malaysian Internet Exchange (MyIX) pada akhir tahun 2005 akan mengekalkan trafik Internet tempatan di dalam negara sekali gus dapat mempertingkatkan kelajuan Internet. Sistem ini akan mengatasi kesan *boomerang* di

mana trafik Internet tempatan terpaksa melalui pusat pertukaran Internet di luar negara sebelum kembali semula ke dalam negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
NASARAH (LENGGONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2009

SOALAN NO : 22

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- a) secara terperinci pencapaian Pakej Rangsangan Ekonomi 1 dan 2 dan apakah Kementerian bercadang melaksanakan pakej berikutnya selepas ini; dan
- b) sejauh manakah pakej rangsangan ini memberikan keuntungan kepada masyarakat luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dua pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada 14 November 2008 dan 10 Mac 2009 sebelum ini telah berjaya mengelakkan negara daripada terjerumus ke dalam kemelesetan ekonomi yang lebih teruk. Malahan ekonomi negara telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan KDNK mengucup pada kadar yang lebih perlahan

sebanyak -3.9% dalam tempoh suku kedua 2009 berbanding -6.2% dalam tempoh suku pertama. Sementara itu, sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.6% dalam tempoh suku pertama dan 2.8% dalam tempohg suku kedua 2009 berbanding -1.6% dalam tempoh suku keempat 2008.

2. Berikutan prestasi ekonomi yang semakin pulih, bilangan tawaran untuk kekosongan pekerjaan kembali meningkat sebanyak 25.9% kepada 884,437 dalam tempoh lapan bulan pertama 2009. Bilangan pemberhentian turut berkurangan kepada 1,373 orang pada bulan Oktober (sehingga 26 Oktober 2009) berbanding jumlah pemberhentian tertinggi sebanyak 8,383 pekerja pada bulan Ogos 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Secara keseluruhannya, kesemua program dan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Kedua sedang giat dijalankan mengikut jadual seperti mana yang telah ditetapkan. Sehingga 23 Oktober 2009, sejumlah RM6.7 bilion atau 96.8% di bawah Pakej Rangsangan Pertama dan RM14.6 bilion bagi Pakej Rangsangan Kedua telah diagihkan kepada Kementerian dan agensi. Sebanyak 89, 932 projek bernilai RM14.8 bilion di bawah kedua-dua pakej rangsangan ekonomi sedang dan telah dibuat. Daripada 89,932 projek, 49,636 daripadanya telah siap dibina. Sementara itu, sebanyak 1,200 unit Rumah Mesra Rakyat sudah siap dibina manakala 1,533 dalam pembinaan.

4. Bagi membantu Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) yang terjejas akibat kemelesetan ekonomi, Kerajaan telah menubuhkan Skim Jaminan Modal Kerja berjumlah RM5 bilion bagi membiayai modal kerja syarikat-syarikat yang mempunyai dana pemegang ekuiti di bawah RM20 juta. Berikutan sambutan yang amat menggalakkan dana ini telah ditingkatkan kepada RM7 bilion. Sehingga 23 Oktober 2009, sebanyak 5,120 permohonan bernilai RM6,673.29 juta telah diluluskan. Selain itu, Dana Jaminan Penstruktur Semula Industri juga telah

ditubuhkan untuk meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah serta menggalakkan aplikasi teknologi hijau. Sehingga kini, sebanyak 154 permohonan bernilai RM541.2 juta telah diluluskan.

5. Untuk makluman ahli-ahli yang Berhormat, Kerajaan juga telah memberi peluang kepada siswazah untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah dengan jumlah disediakan sebanyak RM110 juta. Sehingga 19 Oktober 2009, sebanyak 7,487 permohonan telah diluluskan di peringkat sarjana manakala 479 bagi doktor falsafah. Sehingga kini, Seramai 6,023 pelajar telah menerima bantuan ini.

6. Dalam melaksanakan Pakej Rangsangan ini, Kerajaan juga akan terus memastikan agar beban rakyat dapat diringankan terutamanya bagi golongan yang mudah terjejas. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan berjumlah RM674 sebagai subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian seperti gula, roti dan tepung gandum. Seterusnya, langkah penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam juga dilaksanakan, terutamanya di kawasan luar bandar dan pendalaman. Sehingga 23 Oktober 2009, projek bernilai RM260.5 juta bagi Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan RM831.7 juta bagi Projek Infrastruktur Asas (PIAS) telah dan sedang dilaksanakan. Kerajaan juga telah mempercepatkan pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9 yang mempunyai kandungan tempatan dan kesan pengganda yang tinggi. Program pembangunan, terutamanya di Sabah dan Sarawak sedang dilaksanakan termasuk projek pembangunan luar bandar, seperti bekalan air dan elektrik serta menambah baik kemudahan sekolah.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Pelaksanaan projek dibawah ke dua-dua pakej rangsangan mampu mencergaskan aktiviti ekonomi dalam negeri yang menyumbang ke arah pemulihan ekonomi negara. Justeru, prospek ekonomi negara dijangka berada pada tahap yang lebih baik pada separuh kedua tahun 2009 selari dengan anggaran KDNK bagi keseluruhan tahun 2009 yang lebih baik, iaitu pada kadar -3.0% berbanding anggaran awal pada kadar -4.0% ke -5.0% pada bulan Mei 2009. Sektor pembinaan pula dijangka mencatatkan pertumbuhan 3.5% bagi keseluruhan tahun 2009 berikutan pelaksanaan projek pakej rangsangan secara berterusan. Malahan, ekonomi negara dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan kedua-dua Pakej Rangsangan tersebut di mana KDNK diunjur pulih sepenuhnya dan mencatatkan pertumbuhan antara 2% hingga 3%.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING @ WILFRED
(TUARAN)**

TARIKH : 03.11.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat rumah guru di SK Poring Kiulu Tuaran yang berding bambu dan apakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar akan masalah rumah guru daif yang berding bambu seperti yang berlaku di SK Poring Kiulu Tuaran. Bagi mengatasi masalah tersebut, KPM melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah yang dilantik sebagai agensi pelaksana telah mengiklankan tender untuk membina semula rumah guru di sekolah berkenaan. Pada ketika ini pihak JKR Sabah masih dalam proses penilaian tender.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)
TARIKH : 3 NOVEMBER 2009 (SELASA)
SOALAN : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:

Memandangkan tempoh konsesi penswastaan BERNAS akan berakhir pada 2010 dan sepanjang tempoh konsesi BERNAS didapati banyak melanggar terma dan syarat penswastaan dalam operasinya, adakah Kerajaan masih mahu melanjutkan tempoh konsesi baru kepada BERNAS.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tempoh konsesi penswastaan BERNAS di bawah perjanjian penswastaan BERNAS, adalah untuk tempoh lima belas (15) tahun dan ia akan tamat pada 11 Januari 2011. Dalam tempoh penswastaan, BERNAS diberi tanggungjawab untuk menjalankan lima (5) obligasi sosial sebagai balasan kepada hak mengimport beras seperti berikut:

- (i) Menyedia dan menyelenggarakan stokpail negara;

- (ii) Bertindak sebagai pembeli padi daripada pesawah-pesawah pada harga minimum terjamin (GMP) seperti mana yang ditetapkan;
- (iii) Bertindak sebagai pembeli terakhir untuk pesawah;
- (iv) Menguruskan pembayaran Skim Subsidi Harga Padi kepada petani-petani; dan
- (v) Menguruskan Skim Pengilang Bumiputera.

Dalam perjanjian penswastan, ada peruntukan di mana BERNAS boleh memohon untuk melanjutkan tempoh perjanjian selama lima (5) tahun lagi tertakluk kepada syarat dan terma yang dipersetujui. Kerajaan pada masa ini belum memutuskan lagi untuk melanjutkan tempoh konsesi penswastan BERNAS. Keputusan penyambungan tertakluk kepada permintaan BERNAS dan tertakluk kepada beberapa faktor seperti:

- (i) prestasi BERNAS sepanjang tempoh penswastan;
- (ii) prestasi BERNAS dalam mematuhi obligasi sosial seperti yang dinyatakan dalam perjanjian penswastan;
- (iii) sejauh mana sumbangan dan signifikan yang diberikan oleh BERNAS dalam industri padi beras negara;
- (iv) adanya keperluan untuk memberikan hak import beras kepada pihak lain selain BERNAS; dan
- (v) bergantung pada dasar dan polisi baru yang akan diadakan oleh Kerajaan mengenai industri padi dan beras.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB [LANGKAWI]
TARIKH : 4 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membersihkan Daftar Pemilih daripada Pengundi Hantu.

- a) sejauh manakah hak 'Parliamentary Privileges' diamalkan di negara kita; dan
- b) adakah ia membolehkan seseorang Ahli Parlimen berucap menyentuh perkara-perkara sensitif yang menyakitkan hati kaum dan agama.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Perkara 63(2) Perlembagaan Persekutuan secara umumnya memberi kebebasan Ahli untuk berucap di mana tiada Ahli boleh dikenakan apa-apa prosiding di dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan atau apa-apa undi yang diberikan olehnya semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding mana-mana satu Majlis Parlimen atau mana-mana jawatankuasanya.

Hak dan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen adalah termaktub di bawah Akta 347

Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952. Manakala Seksyen 7 Akta tersebut memperjelaskan kekebalan Ahli daripada prosiding sivil dan jenayah bagi apa-apa jua yang dilakukan atau dikatakan di hadapan Majlis.

Setiap perbahasan seseorang Ahli di dalam Dewan Rakyat adalah dikawal mengikut Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Peraturan Mesyuarat 36(10) secara khusus memperuntukkan bahawa menjadi kesalahan kepada seseorang Ahli sekiranya menggunakan:

- a) perkataan-perkataan derhaka kepada negeri;
- b) perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan;
- c) perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, 1948.

Selain daripada itu, Ahli-ahli juga tidak boleh mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang bersifat sedemikian yang dinyatakan dalam Peraturan Mesyuarat 23(1)(c).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN**
(KULIM BANDAR BARU)
TARIKH : **3 NOVEMBER 2009**
SOALAN : **20**

Tuan Zulkifli bin Noordin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengarahkan syarikat pengendali Light Rail Transit dan KTMB menyediakan gerabak /koc khas dan berasingan bagi penumpang wanita sahaja (bagi yang memilih untuk berasingan) terutama di waktu puncak memandangkan banyak aduan pencabulan dan salah laku seks dibuat terhadap penumpang wanita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan dan syarikat pengendali keretapi menyedari akan isu kemungkinan berlakunya salah laku di dalam tren. Namun demikian, pengasingan koc bagi penumpang lelaki dan wanita memerlukan penyediaan beberapa koc khas sebagai tambahan daripada bilangan koc sedia ada.

Setakat ini, aduan yang diterima oleh Kementerian berkaitan dengan salah laku di dalam tren KTM Komuter dan LRT adalah pada skala yang amat kecil iaitu (2) kes sahaja yang diterima dari mangsa gangguan seksual di dalam tren sejak perkhidmatan komuter dan LRT beroperasi pada tahun 1995 dan 1998.

Kerajaan bagaimanapun tidak memandang ringan terhadap isu ini dan usaha telah dilaksanakan dengan mengedarkan risalah berkaitan "Panduan Pencegahan Gangguan Seksual di dalam Tren" pada Februari 2009 di stesen-stesen KTM

Komuter sebagai langkah kesedaran kepada penumpang mengenai gangguan seksual di dalam tren.

Di samping itu juga, jumlah gerabak /koc Komuter dan LRT yang beroperasi buat masa ini adalah amat terhad bilangannya dan ini menyebabkan keutamaan hanya diberikan bagi memenuhi keperluan dan permintaan orang ramai yang amat mendesak terutamanya pada waktu puncak dengan menyediakan set Komuter dan LRT yang mencukupi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Abd Rahman Bin Bakri (Sabak Bernam) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes keganasan rumah tangga yang didakwa di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 bagi tempoh 2000-2009 serta nyatakan langkah Kerajaan untuk membendung kes ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertindak bagi membantu mangsa kes-kes keganasan rumah tangga mengikut peruntukan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT) dan Akta ini dibaca bersama Kanun Keseksaan. Untuk makluman Yang Berhormat, pendakwaan kes keganasan rumah tangga adalah di bawah bidangkuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Kanun Keseksaan.

Berdasarkan statistik dari PDRM, bilangan kes keganasan rumah tangga yang didakwa di mahkamah bagi tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut:

RANGKA KES KEGANASAN RUMAH TANGGA	2008	2009 (Jan - Ogos)
TUDUH	104	29
JATUH HUKUM	38	1
BICARA	23	3

Sumber: Statistik PDRM

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membendung kes keganasan rumah tangga ini termasuklah:-

- i. menyediakan bantuan dari sudut pengukuhan psikologi melalui perkhidmatan kaunseling. Sesi bimbingan dan kaunseling ini bertujuan untuk mengelak keganasan daripada berlaku ke atas pasangan suami atau isteri yang mengalami masalah rumah tangga;
- ii. mempergiatkan program advokasi termasuk kempen kesedaran dan program literasi undang-undang bagi menjelaskan mengenai hak mendapatkan perlindungan; memberi penerangan dan maklumat jelas mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 kepada wanita dan masyarakat, Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan;
- iii. menjalinkan kerjasama dengan agensi lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Hospital, Pejabat Agama, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan masyarakat setempat bagi membendung keganasan daripada berlaku secara berterusan;

- iv. mewujudkan khidmat Talian Nur 15999 bagi memudahkan orang awam membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat mengenai perlindungan yang disediakan;
- v. melaksanakan Program Literasi Undang-Undang kepada wanita dan lelaki mengenai hak dan tanggungjawab dari aspek perundangan sivil dan syariah sebelum, semasa dan selepas perkahwinan, punca-punca berlaku keganasan rumahtangga dan langkah-langkah menanganinya; dan
- vi. melaksanakan Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita di 222 kawasan Parlimen di seluruh negara. Peserta adalah terdiri daripada golongan wanita dan lelaki khususnya pemimpin masyarakat, ahli-ahli NGO, golongan guru, pelajar IPT, pelajar sekolah menengah dan mereka yang berminat mengikuti program ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapa banyak wang yang telah digunakan semenjak pelancaran slogan "1Malaysia", dan sama ada ia wajar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha Kerajaan untuk menyebarkan Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, kepada rakyat di semua peringkat, Kerajaan telah merancang pelbagai aktiviti bagi mempromosikan konsep tersebut menerusi pelaksanaan Program Penghayatan 1Malaysia di mana Kementerian

Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bertindak sebagai peneraju utama.

Program Penghayatan 1Malaysia ini akan dilaksanakan secara bersepadu dengan semua Kementerian, Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan sektor swasta mulai tahun 2009 dan akan berterusan sehingga 2012. Di bawah program tersebut, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah meliputi aktiviti komunikasi bersemuka, aktiviti merakyatkan seni budaya dan aktiviti-aktiviti menerusi media massa. Di samping itu, aktiviti berbentuk mesra rakyat akan dapat memupuk dan mengeratkan hubungan antara pemimpin dan rakyat di mana ia dapat memberi ruang untuk rakyat menyuarakan rasa hati selaras dengan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Objektif utama aktiviti-aktiviti di bawah program tersebut ialah untuk meningkatkan kefahaman, penghayatan dan sokongan rakyat terhadap 1Malaysia ke arah membina negara bangsa yang bersatu padu dan mengamalkan Lapan (8) Nilai 1Malaysia iaitu:

- a) Budaya Berprestasi Tinggi;
- b) Budaya Ketepatan;
- c) Budaya Ilmu;
- d) Integriti;
- e) Ketabahan;
- f) Kesetiaan;
- g) Kebijaksanaan; dan

h) Budaya Inovasi.

Selaras dengan itu, pelancaran Logo dan Lagu 1Malaysia peringkat kebangsaan telah disempurnakan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 27 Jun 2009 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur manakala pelancaran di peringkat negeri akan dilaksanakan secara berperingkat dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dirancang akan berterusan sehingga tahun 2012.

Tuan Yang Dipertua,

Sehubungan itu juga, Kerajaan tidak memperuntukkan sebarang peruntukan khas bagi menjayakan aktiviti mempromosi dan publisiti Program 1Malaysia. Jabatan Penerangan Malaysia bersama-sama lain-lain Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian ini akan dan terus menggembelngkan usaha bagi menjayakan Program Penghayatan 1Malaysia berasaskan kepada peruntukan sedia ada. Sehingga tarikh 30 September 2009, jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi mempromosi Gagasan 1Malaysia yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Penerangan ialah sebanyak RM2,533,971.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ONG KA TING
[KULAI]**

TARIKH : SELASA, 3 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 03

SOALAN :

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan:

bilakah tarikh sasaran baru Kerajaan Pusat untuk menyediakan projek perumahan bersepadu yang secukupnya bagi menempatkan semua penduduk setinggan di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kulai, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan pembinaan sebanyak 32,762 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada jumlah itu, 27,102 unit PPR telah pun diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Manakala 5,660 unit

PPR lagi sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka dapat diserahkan kepada DBKL selewat-lewatnya pada Disember 2009.

Sementara itu, daripada 27,102 unit PPR yang telah diserahkan oleh KPKT kepada DBKL, terdapat **sejumlah 2,476 unit PPR yang masih kosong**. DBKL telah menetapkan untuk menempatkan keluarga-keluarga setinggan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di unit-unit PPR yang masih kosong tersebut.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira 5,660 unit PPR yang sedang dalam pembinaan dan 2,476 unit PPR yang masih kosong, maka **jumlah unit PPR yang boleh ditawarkan untuk didiami oleh penduduk setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah sebanyak 8,136 unit**.

Berdasarkan rekod DBKL, sehingga Oktober 2009, **baki penduduk setinggan yang masih tinggal di atas tanah Kerajaan adalah seramai 4,789 keluarga**. Justeru, dengan jumlah 8,136 unit PPR yang boleh ditawarkan kepada penduduk setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kerajaan mampu untuk menyediakan bilangan rumah yang secukupnya bagi menempatkan kesemua penduduk setinggan yang masih berada di atas tapak Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasrat ini dijangka akan dapat direalisasikan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan perlu memanjangkan perkhidmatan pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang sudah bersara. Tindakan seperti ini telah banyak menyinggung hati pegawai yang lain kerana ianya menyekat peluang kenaikan pangkat mereka.

JAWAPAN : **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan semula perkhidmatan pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang sudah bersara adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan, kepakaran dan pengalaman pegawai yang masih diperlukan oleh negara atau agensi. Pelantikan mereka juga adalah bagi tempoh jangka pendek dan bilangan yang terlibat adalah terlalu kecil.

Pelanjutan perkhidmatan pegawai-pegawai kanan Kerajaan ini dilaksanakan bagi memberi ruang dan peluang serta menjadi platform kepada penjawat awam yang lain untuk mempelajari dan mendapat bimbingan serta menimba pengalaman sebaik mungkin dari penyandang sedia ada. Ini adalah bagi membolehkan peralihan pucuk pimpinan jawatan pengurusan tertinggi. Kerajaan dapat dilakukan dengan sebaiknya dan selicin mungkin serta dapat memastikan kesinambungan pelaksanaan tugas dan kejituan penyampaian sistem perkhidmatan awam dapat diteruskan dengan jayanya.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
 DARIPADA : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
 (MAMBONG)
 TARIKH : 3 NOVEMBER 2009 (SELASA)
 SOALAN : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
 (MAMBONG) minta MENTERI PERTANIAN
 DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

Jumlah pengeluaran beras negara kita pada tahun-tahun 2005, 2006, 2007, 2008 dan 2009. Apakah langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kerajaan bagi menambah pengeluaran beras negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
 Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah pengeluaran beras negara daripada tahun 2005 hingga tahun 2009 adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah Pengeluaran (mt)</u>
2005	2,319,986
2006	2,187,519

2007	2,375,604
2008	2,384,143
2009	2,460,445 (anggaran)

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menambah pengeluaran beras negara ialah seperti berikut:

- (a) Tindakan *quick-win* bagi meningkatkan pengeluaran beras**
 - (i) Menyelenggarakan infrastruktur pengairan dan saliran;
 - (ii) Perataan tanah sawah;
 - (iii) Pembekalan input pertanian bagi meningkatkan kesuburan tanah; dan
 - Pembekalan Kapur
 - Pembekalan Baja NPK
 - (iv) Kawalan Makhluk Perosak.

- (b) Tindakan Memperkukuhkan Khidmat Sokongan**
 - (i) Pemilikan jentera dan mekanisasi ladang; dan
 - (ii) Khidmat sokongan penyelidikan dan promosi teknologi.

- (c) Tindakan Jangka Panjang Dengan Meningkatkan Intensiti Penanaman**
 - (i) Membangunkan infrastruktur pengairan dan saliran baru.

Langkah-langkah ini telah dijalankan oleh Kementerian di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang telah dilancarkan pada tahun 2008 yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran beras negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI
ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR
(JERANTUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2009

SOALAN NO : 32

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar

(Jerantut) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kewangan Rizab Negara pada hari ini. Apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan usaha memperkukuhkan kewangan kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan rizab antarabangsa negara pada 15 Oktober 2009 adalah berjumlah RM334.2 bilion, iaitu meningkat RM16.8 bilion berbanding RM317.4 bilion pada 31 Disember 2008. Paras rizab terkini ini mampu untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan adalah 3.9 kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek. Pertambahan paras rizab ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi negara untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu. Ini termasuk keupayaan untuk memenuhi keperluan aliran kewangan perdagangan dan pelaburan di peringkat antarabangsa serta dapat menampung bekalan wang dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Usaha untuk memperkukuhkan lagi paras rizab negara adalah termasuk meningkatkan jumlah eksport barangan serta menarik pelancong dan pelaburan asing secara berterusan. Langkah terkini Kerajaan adalah untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan beberapa negara termasuk New Zealand dan ini akan meningkatkan lagi kemasukan pelaburan asing dan eksport negara. Begitu juga dengan langkah liberalisasi sektor perkhidmatan yang turut mengalakkan syarikat asing untuk meluaskan perniagaan di dalam sektor tersebut.

3. Dalam bajet 2010, Kerajaan telah menggariskan beberapa langkah untuk mempergiatkan kemasukan pelaburan asing. Langkah-langkah tersebut termasuk melonggarkan syarat serta memudahkan prosedur bagi syarikat asing beroperasi di Malaysia dan mempertingkatkan usaha sama di antara Khazanah Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad dengan pelabur asing dalam bidang seperti pendidikan, pelancongan dan infrastruktur. Usaha Kerajaan untuk menarik pelabur dari negara-negara seperti Timur Tengah, China dan India telah berhasil melalui usaha sama dalam pelaburan berimpak tinggi oleh *1Malaysia Development Berhad (1MDB)* dengan syarikat di Arab Saudi yang telah menyuntik dana sebanyak 1.5 bilion dolar Amerika. Di bawah langkah mencergaskan pasaran saham, Kerajaan telah membenarkan penyertaan 100 peratus ekuiti asing dalam syarikat kewangan korporat dan syarikat perancangan kewangan berbanding syarat sedia ada yang memerlukan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti tempatan. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengurangkan kadar cukai pekerja berpengetahuan kepada 15% di Wilayah Iskandar Malaysia berbanding kadar maksimum 26% untuk seluruh negara bagi menarik lebih banyak pelaburan asing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
[RANAU]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Klinik Kesihatan Desa di Kampung Tudan akan dibina memandangkan kelulusan telah diperolehi bertahun-tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa Klinik Kesihatan Tudan dan Klinik Desa Tudan tidak pernah diluluskan di dalam mana-mana projek Rancangan Malaysia. Walau bagaimanapun, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sedang dalam tindakan untuk memperolehi tanah bagi melaksanakan pembinaan Klinik Desa Tudan. Jika sekiranya urusan tanah tersebut selesai, ianya hanya akan dikemukakan ke Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan kelulusan bagi dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia ke 10 kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTIH)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2009 (SELASA)

SOALAN :

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTIH) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian akan menerima cadangan daripada pertubuhan bukan Kerajaan wanita berkenaan dengan pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga dan dibentangkan untuk kelulusan dalam sidang Parlimen ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) yang diluluskan oleh Parlimen pada 19 Mei 1994 telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 1996. Tujuan Akta ini adalah untuk memberi perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga dan dalam masa yang sama membendung kecenderungan menggunakan keganasan rumah tangga sebagai alat untuk menyelesaikan masalah rumah tangga.

Bagi memastikan Akta ini lebih berkesan serta terus relevan dengan keadaan semasa dalam menangani jenayah berkaitan keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah mengambil inisiatif untuk meminda Akta ini. Bermula dari proses awal pindaan, KPWKM telah menerima

maklum balas dan mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti agensi Kerajaan yang berkenaan, ahli akademik dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antara NGO yang terlibat dalam proses pindaan ialah Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO), *Women's Aid Organisation* (WAO), *All Women's Action Society* (AWAM), *Women's Centre for Change* (WCC). Selain itu, KPWKM telah menerima maklum balas daripada *Joint Action Group Against Violence Against Women* (JAG) iaitu satu gabungan NGO yang terdiri daripada WAO, AWAM, WCC, *Sisters in Islam* (SIS) dan Pusat Kesedaran Komuniti Selangor (Empower).

Tuan Yang di-Pertua

Setelah menimbangkan banyak cadangan pindaan oleh pihak NGO, KPWKM kini di peringkat memuktamadkan Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2009 sebelum dikemukakan untuk kelulusan Jabatan Peguam Negara.

KPWKM yakin pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga (Akta 521) akan memberi kesan positif kepada usaha Kerajaan untuk membanteras kes-kes yang melibatkan jenayah keganasan rumah tangga selaras dengan keperluan perkembangan semasa dalam memastikan mangsa keganasan rumah tangga mendapat perlindungan terbaik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : PR-1223-L34463
DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)
TARIKH : 03.11.2009 (SELASA)
SOALAN : 35

DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sebab-sebab Kerajaan berubah pilihan kepada RON95 untuk petrol dan EURO 2M untuk disel baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan penggunaan petrol RON95 sebagai produk utama mulai 1 September 2009. Pada masa yang sama petrol RON92 akan dikeluarkan daripada pasaran memandangkan sambutan pengguna terhadap petrol RON92 tidak mengalakkan iaitu sekitar 5% sahaja daripada keseluruhan jualan petrol di negara ini.

Langkah Kerajaan ini adalah untuk memastikan pengguna mendapat faedah langsung produk petroleum yang lebih berkualiti pada harga yang disubsidi. Petrol RON95 adalah bahan bakar yang mematuhi spesifikasi EURO2M dimana ianya dapat mengurangkan pencemaran yang berpunca daripada pengeluaran asap kenderaan. Selain itu, ianya juga merupakan salah satu usaha Kerajaan dalam mengurus sumber tenaga negara bagi menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang cekap dan mengurangkan tanggungan subsidi Kerajaan ke atas produk petrol.

Kebanyakan enjin kenderaan ketika ini menggunakan teknologi yang direkabentuk sesuai dengan penggunaan petrol RON95. Dengan menggunakan petrol yang mempunyai nilai RON minimum yang bersesuaian dengan keperluan kenderaan sepertimana yang disyorkan oleh pengeluar enjin kenderaan akan memastikan pembakaran berlaku tepat pada masanya lantas mengelakkan berlakunya fenomena ketukan enjin. Oleh yang demikian, sekiranya enjin kenderaan cukup sekadar dengan pembakaran RON95, penggunaan RON yang lebih tinggi tidak akan memberi kesan kepada keupayaan enjin secara optimum. Negara-negara pengeluar kenderaan utama dunia seperti Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat juga menggunakan petrol RON95. Di Eropah, penggunaan petrol RON95 adalah lebih 80% daripada keseluruhan penggunaan petrol yang merupakan bahan bakar utama kenderaan.

Walau bagaimanapun, petrol RON97 masih dikekalkan dalam pasaran sebagai produk premium memandangkan ada kenderaan yang memerlukan nilai RON minimum 97 terutamanya kenderaan-kenderaan yang berkuasa tinggi.

Disediakan oleh : Unit Petroleum, BPDN

Disemak oleh :
(FARAH SALMA BT ABD. RAHIM)

Diluluskan oleh :
(DATO' ISMAIL BIN AHMAD)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]
TARIKH JAWAPAN : 3 NOVEMBER 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 36

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan rancangan-rancangan Kementerian untuk menggalakkan penggunaan tenaga suria (*Solar Energy*) sebagai sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharui.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi menggalakkan penggunaan tenaga suria (*Solar Energy*) sebagai sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharu, Kementerian saya telah melaksanakan projek *Malaysia Building Integrated Photovoltaic* (MBIPV) di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9). Sistem *Building Integrated Photovoltaic* (BIPV) merupakan satu aplikasi di mana sistem fotovoltaiik dipasang di bangunan-bangunan sebagai sebahagian daripada struktur bangunan tersebut di samping

dapat menjana tenaga elektrik daripada tenaga suria. Projek MBIPV ini telah dilancarkan pada 25 Julai 2005 dan ia mendapat sokongan kewangan daripada Kementerian, *Suruhanjaya Tenaga* dan *Global Environment Facility* (GEF) yang disalurkan melalui *United Nations Development Programme* (UNDP). Matlamat utama projek MBIPV ini adalah bagi mengurangkan kos jangka panjang teknologi BIPV tempatan dengan membangunkan pasaran tempatan yang berdaya maju.

Bagi mencapai matlamat ini, projek MBIPV yang dilaksanakan oleh Pusat Tenaga Malaysia (PTM) telah menyediakan beberapa insentif iaitu:

- i. Insentif kewangan: Di mana orang ramai yang berminat untuk memasang sistem BIPV di rumah-rumah kediaman atau bangunan-bangunan bagi menjana tenaga elektrik daripada tenaga suria boleh mendapat bantuan kewangan secara rebat terus atau diskaun.
- ii. Insentif teknikal: Di mana pihak projek MBIPV akan memberi bantuan serta nasihat teknikal kepada orang ramai yang akan memasang sistem BIPV di bangunan masing-masing. Bantuan ini termasuk memastikan bahawa sistem BIPV tersebut direkabentuk dan dipasang dengan berkualiti, serta dapat disambung dengan mudah kepada sistem grid TNB.
- iii. Insentif fiskal: Di mana Kerajaan menyediakan Insentif fiskal bagi menggalakkan lagi penggunaan tenaga solar. Antara Insentif fiskal yang ditawarkan adalah pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas syarikat-syarikat tempatan mengimport peralatan-peralatan BIPV. Di

samping itu, syarikat-syarikat yang menggunakan Tenaga Boleh Diperbaharu juga boleh memohon untuk mendapat Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance*) dan Taraf Perintis (*Pioneer Status*). Bagi meningkatkan lagi penggunaan tenaga suria, Kerajaan telah membenarkan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sistem fotovoltaiik untuk kegunaan pihak ketiga yang diberi kepada pengimport serta pengecualian cukai jualan ke atas pembelian peralatan sistem pemanasan solar daripada pengeluar tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, sebagai perancangan jangka panjang, Kementerian pada masa kini sedang dalam proses untuk memuktamadkan penggubalan Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu. Dasar dan Pelan Tindakan ini apabila diluluskan oleh Kerajaan akan dapat memacu pembangunan tenaga solar dalam negara dengan lebih pesat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)
TARIKH : 03.11.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kelemahan dan kekuatan program j-QAF di sekolah rendah sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan program j-QAF iaitu Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain di sekolah rendah mulai tahun 2005. Pelaksanaannya melibatkan pengwujudan jawatan guru. Sehingga tahun 2009 seramai 15,191 orang guru telah dilantik untuk melaksanakan program j-QAF.